



09 APR, 2023

Bekalan sayur stabil, harga lebih rendah

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Bekalan sayur stabil, harga lebih rendah

REMBAU - Bekalan sayur di seluruh negara ketika ini adalah stabil dengan harga yang ditawarkan jauh lebih rendah berbanding sebelum ini.

Pemangku Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya juga akan memastikan bekalan sayur mencukupi menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

"Harga yang ditawarkan jauh lebih rendah berbanding sebelumnya dengan mengambil contoh harga timun yang kini sekitar RM1.50 sekilogram berbanding sebelumnya dijual RM2.

"Kita juga akan tingkatkan bekalan sayur di *outlet-outlet* Fama seperti pasar tani, agro bazar dan pusat-pusat operasi supaya bekalan berkenaan stabil dalam pasaran," katanya sempena Program Jelajah Semarak Ramadan Peringkat Negeri Sembilan di Ladang Kampung Relong di sini pada Jumaat.



09 APR, 2023

Bekalan sayur stabil, harga lebih rendah

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

REMBAU - Bekalan sayur di seluruh negara ketika ini adalah stabil dengan harga yang ditawarkan jauh lebih rendah berbanding sebelum ini. Pemangku Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya juga akan memastikan bekalan sayur mencukupi menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi. "Harga yang ditawarkan jauh lebih rendah berbanding sebelumnya dengan mengambil contoh harga timun yang kini sekitar RM1.50 sekilogram berbanding sebelumnya dijual RM2.